

Peserta program labur beli mesin bagi pertingkat pengeluaran

Penerima modal geran juga lebih peka terhadap aspek pengurusan kewangan



LABUR MESIN BUAT MURUKU: Encik Mohd Lokman Mohd Salleh berharap dapat mengubah proses penghasilan muruku secara manual yang menggunakan banyak tenaga, apabila beliau mendapatkan mesin pembuat muruku nanti. - Foto-foto TAUFIK A. KADER

1/3

5 Nov 2014

ATIYYAH MOHD SAID

USIA yang meningkat dan penyakit gout/pirai yang memburuk semakin mencabar Encik Mohd Lokman Mohd Salleh agar menghasilkan muruku yang dijual dari rumah bersama isterinya.

Dengan modal geran \$1,000 yang diperolehi menerusi Program Perniagaan Mikro Angkatan Karyawan Islam (AMP), peniaga berusia 45 tahun itu akan melaburkan wang tersebut dengan membeli mesin pembuat muruku yang bukan sahaja memudahkan penghasilan malah dapat menggendakan pengeluaran.

Dua lagi penerima geran serupa, Cik Sjuffriani Abdul Khalid dan Cik Lina Marlina Suryana, juga akan melaburkan modal yang diperolehi dengan membeli mesin yang dapat meningkatkan penghasilan mereka.

Cik Sjuffriani, 47 tahun, berniaga kek dan pastri dari rumah sejak tujuh tahun lalu sementara Cik Lina Marlina Suryana, 36 tahun, menawarkan khidmat menjahit pakaian dari rumah sejak setahun lalu.

Mereka menyertai program yang diselenggarakan AMP dengan kerjasama Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) selama enam bulan.

Mereka dipilih daripada tujuh permohonan bagi mendapatkan geran modal itu.

Antara kriterianya ialah kemajuan dan prestasi peserta sepanjang program, pelan perniagaan yang menunjukkan potensi dan penakatan bagi dua tahun mendatang.

Semasa ditemui di pejabat AMP, Encik Mohd Lokman yang berniaga dari rumah sejak lima tahun lalu selepas berhenti menjadi pemandu lori ekoran penyakit gout yang teruk, berbesar hati menerima modal itu.

"Kami masih menghasilkan muruku menggunakan tangan jadi ia menggunakan banyak tenaga. Keupayaan kami terbatas sedangkan tempahan bertambah saban tahun.

"Geran ini sesuatu yang sangat kami perlukan untuk melabur membeli mesin membuat muruku bagi mengembangkan perniagaan ini. Kami sudah pun menghubungi pembekal dari Malaysia bagi mendapatkan mesin itu," jelas bapa empat anak itu.

Beliau berharap dapat meningkatkan penjualan purata \$800 sebulan sekarang kepada \$1,000 hingga \$1,500 sebulan.

"Selepas program ini, kami belajar mempelbagaikan perisa dan kini ada tiga perisa baru, bertepatan dengan permintaan pelanggan.

"Sebelum ini juga, kami tidak begitu memberi perhatian pada wang yang keluar masuk - kalau ada untung, adalah.

"Kini saya lebih prihatin meneliti kewangan kami," ujarnya.

Pengetahuan pengurusan kewangan juga sesuatu yang ditimba oleh Cik Sjuffriani, pemilik Lydia's Oven.

Beliau berniaga dari rumah setelah meninggalkan industri pendidikan untuk menjaga anak kecilnya.

Menurutnya, beliau sebelum ini tidak mencatatkan aliran kewangan secara tersusun. Kini beliau lebih peka terhadap aspek pengurusan kewangan di samping memperbaiki cara berurusan dengan pelanggan.

"Apabila saya laksanakan apa dipelajari sepanjang enam bulan lalu, penjualan meningkat 30 peratus.

"Dengan permintaan bertambah, saya harap dapat membeli mesin pembancuh kek lebih besar untuk meningkatkan produktiviti.

"Kalau dulu saya hanya dapat hasilkan empat kek lapis sehari, dengan adanya mesin itu saya boleh buat lapan kek," katanya yang meraih penjualan purata \$1,700 sebulan.

Cik Lina Marlina Suryana, asal warga Indonesia yang menetap di sini selepas berumah tangga dengan rakyat Singapura, pula memanfaatkan kemahiran menjahit untuk mencari rezeki tambahan buat keluarganya.

Ibu dua anak itu menyertai program AMP bagi mempertingkatkan pengetahuan menjahit dan belajar berniaga dengan lebih berkesan.

"Kini saya tahu lebih banyak teknik menjahit dan sudah boleh menjahit pelbagai produk.

"Program ini juga membantu meluaskan rangkaian kenalan, sekali gus membuka peluang perniagaan baru dan pelanggan bertambah."

Beliau menggunakan mesin jahit lama pemberian kakak iparnya. Oleh kerana mesin itu kurang upaya berfungsi dengan pantas, Cik Lina sukar memenuhi permintaan pelanggan.

"Saya akan membeli mesin jahit perindustrian yang membolehkan saya menjahit lebih cepat dan cekap.

"Saya sasar tingkatkan penjualan daripada \$200 kepada \$500," tambahnya yang juga mengambil tempahan melalui akademi menjahit, aStitchWorks Concept.